

Wanita rugi RM5.29j kena tipu Love Scam

**Pengarah syarikat
buat 120 transaksi
kepada lelaki
dikenali melalui
sesawang sosial**

Oleh Nurul Hidayah Bahaudin
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Seorang wanita yang juga pengarah syarikat membuat 120 transaksi pindahan wang hingga mencapai jumlah RM5.29 juta, sebelum menyedari dirinya diperdaya sindiket 'Love Scam' melalui perkenalan dengan seorang lelaki di sesawang sosial.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Azmi Abu Kassim, berkata pihaknya menerima laporan berhubung kejadian itu daripada

mangsa yang juga wanita tempatan berusia 64 tahun, kelmarin.

"Mangsa yang juga pengarah sebuah syarikat di Ipoh, Perak, memaklumkan dia berkenalan dengan suspek yang memperkenalkan diri sebagai lelaki warga Amerika Syarikat.

"Lelaki berkenaan yang mendakwa bekerja sebagai paramedik di Hospital California kemudian memperdayakan mangsa dengan menyatakan beliau menerima kontrak besar pembekalan peralatan perubatan bernilai AS\$22 juta (RM97 juta).

"Suspek yang mendakwa memerlukan dana modal permulaan bagi kontrak terbabit, turut berjanji akan mengahwini mangsa," katanya.

Guna wang simpanan

Azmi berkata, mangsa yang terpedaya dengan janji itu kemudian melakukan 120 transaksi pindahan wang ke dalam 14

akaun bank diberikan suspek secara berperingkat berjumlah RM5.29 juta antara Januari hingga Jun lalu.

"Mangsa menggunakan semua wang simpanan dan membuat pinjaman dengan pemberi pinjaman wang berlesen untuk diserahkan kepada suspek berkenaan.

"Semakan awal dilakukan mendapati akaun bank terbabit juga mempunyai rekod berkaitan beberapa kes penipuan lain yang menggunakan modus operandi sama," katanya.

Katanya, kes itu disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana melakukan penipuan.

"Orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai kegiatan jenayah atau aktiviti yang mencurigakan boleh menghubungi Hotline Polis Kuala Lumpur di talian 03-21460584/0585 atau mana-mana balai polis berhampiran," katanya.